

PERINGATAN TEGAS KEPADA SEMUA PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR UNTUK MEMPERBAHARUI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN (PAT) DI BAWAH AKTA PERUBATAN 1971

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah mendapati bahawa terdapat pengamal perubatan berdaftar dari sektor kerajaan dan swasta yang telah mengamalkan perubatan tanpa memiliki Perakuan Amalan Tahunan (PAT) yang sah dengan MPM.


MPM ingin menegaskan bahawa pengamal perubatan berdaftar yang menjalankan amalan perubatan tanpa mempunyai PAT yang semasa dan sah bagi dirinya merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 20, Akta Perubatan 1971. Adalah diingatkan bahawa permohonan pembaharuan PAT adalah di bawah tanggungjawab peribadi setiap pengamal perubatan.

Sehubungan itu, MPM memberi tempoh sehingga **31 Disember 2025** kepada semua pengamal perubatan berdaftar untuk memohon pembaharuan PAT bagi memastikan kepatuhan terhadap keperluan undang-undang yang telah ditetapkan.

Bermula **1 Januari 2026**, mana-mana pengamal yang didapati mengamalkan tanpa PAT yang sah, Majlis berhak mengenakan tindakan tatatertib selaras dengan peruntukan Akta Perubatan 1971.

Majlis turut menegaskan bahawa pihak majikan perlu memastikan pengamal yang tidak memiliki PAT tidak boleh menjalankan amalan perubatan atau ditugaskan dalam mana-mana fungsi klinikal.

Majlis Perubatan Malaysia
17 Jun 2025



STRICT REMINDER TO ALL REGISTERED MEDICAL PRACTITIONERS TO RENEW THE ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE (APC) UNDER THE MEDICAL ACT 1971

The Malaysian Medical Council (MMC) has found that there are registered medical practitioners from both the public and private sectors who have been practicing medicine without a valid Annual Practising Certificate (APC) issued by the MMC.

The MMC hereby emphasizes that it is an offence under Section 20 of the Medical Act 1971 for any registered medical practitioner to practise medicine without holding a valid and current APC.

Practitioners are reminded that the responsibility to apply for and renew the APC lies solely with each individual medical practitioner.

Accordingly, the MMC grants a grace period until **31st December 2025** for all registered medical practitioners to submit their APC renewal applications, in order to ensure compliance with the legal requirements in force.

Effective **1st January 2026**, any practitioner found to be practicing without a valid APC may be subject to disciplinary action by the Council in accordance with the provisions of the Medical Act 1971.

The Council further emphasizes that it is the responsibility of employers to ensure that any practitioner without a valid APC is not permitted to practise medicine or be assigned to any clinical functions.

Malaysian Medical Council
17th June 2025